

Imigresen tahan dalang warga Pakistan

Kuala Lumpur: Seorang lelaki warga Pakistan yang juga dalang kegiatan ejen Program Rekalibrasi Tenaga Kerja ditahan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam operasi khas di dua premis di Jalan Ipoh di sini, kelmarin.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, operasi dijalankan sepasukan pegawai imigresen dari Bahagian Perisikan dan Operasi Khas di dua premis pada jam 4.30 petang.

Menurutnya, operasi khas ini, susulan daripada Op Hack yang dijalankan bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 6 April lalu.

"Operasi ini bertujuan mengesan saki-baki syarikat yang menggunakan pelekat PLKS palsu yang dikeluarkan

kan oleh sindiket *ID Hack* Sistem MyIMMs.

"Dalam operasi ini, seorang lelaki warganegara Pakistan berusia 39 tahun yang juga *mastermind* (dalang) sindiket ditahan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Khairul berkata, turut ditahan seorang wanita tempatan berusia 20 tahun dan lelaki tempatan, 24, kerana bekerjasama dan melindungi lelaki Pakistan terbabit.

"Pemeriksaan awal turut mendapati lelaki Pakistan itu menggunakan PLKS palsu yang dikeluarkan secara tidak teratur.

"Sejumlah 81 naskhah pasport pelbagai negara (Pakistan, Bangladesh dan

Vietnam) serta wang tunai RM15,950 dirampas hasil pemeriksaan di premis sindiket beroperasi," katanya.

Beliau berkata, premis berkenaan dijadikan sebagai pusat mengumpul pasport daripada warga asing yang melakukan kesalahan mengikut Akta dan Peraturan Imigresen untuk didaftarkan dalam Program Rekalibrasi Tenaga Kerja dengan bayaran RM2,000 ke RM3,000 seorang.

"Berdasarkan jumlah pasport dan tempoh beroperasi, sindiket ini dianggarkan membuat kutipan RM243,000.

"Modus operandi sindiket ini adalah lelaki Pakistan terbabit mendapatkan

pelanggan dalam kalangan warganegara Pakistan terutama mereka yang melakukan kesalahan mengikut Akta dan Peraturan Imigresen dan ditawarkan untuk menyertai Program Rekalibrasi," katanya.

Katanya, semakan awal ke atas pasport yang dirampas di tempat kejadian turut menemui pelekat PLKS yang dikeluarkan oleh sindiket *ID Hack* yang ditumpaskan sebelum ini.

"Semua tahanan dibawa ke Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya untuk siasatan lanjut.

"Kami menasihatkan orang ramai terutama warga asing dan majikan supaya berurusan terus dengan JIM dan tidak menggunakan orang tengah atau ejen dalam urusan Program Rekalibrasi," katanya.

Turut ditahan wanita dan lelaki tempatan kerana melindungi suspek